

SETELAH 365 HARI

Oleh Ahmad Zaharuddin Sani Sabri

Dalam sistem demokrasi, pilihan raya merupakan elemen penting dalam menentukan tahap demokrasi sesebuah negara. Pilihan raya memberikan hak kepada rakyat untuk memilih dan menentukan parti atau pemimpin yang memegang kuasa. Sepanjang hampir 57 tahun Malaysia merdeka, pilihan raya umum (PRU) dijalankan secara tetap dan konsisten dalam sistem pemerintahannya.

Asasnya, sesebuah negara untuk digelar sebagai negara demokrasi harus menonjolkan tujuh ciri utama, iaitu wujudnya kebebasan bersuara, media massa yang bebas dan berkecuali, pilihan raya diadakan secara konsisten, bebas dan adil, wujud kebebasan berorganisasi dan bersersatuan, pemerintahan berasaskan majoriti, hak golongan minoriti dihormati, dan badan kehakiman yang sentiasa bebas dan berkecuali. Dalam hal ini, Malaysia negara demokrasi kerana mengamalkan ciri tersebut.

Kemunculan generasi baharu dalam pilihan raya jelas

menunjukkan bahawa generasi di Malaysia berganjak daripada generasi merdeka kepada pascamerdeka. Perubahan ini menjadikan politik pilihan raya di Malaysia menarik untuk dikaji. Hal ini dikatakan demikian kerana wujud perubahan generasi yang menuntut perubahan strategi untuk memancing undi.

Keputusan PRU ke-13 menyaksikan betapa sengitnya pertarungan antara Barisan Nasional (BN) dengan Pakatan Rakyat (PR). Orang Melayu melihat keputusan PRU ke-13 dari sudut pemikiran dan kepentingan orang Melayu, manakala masyarakat Cina pula melihatnya dari sudut pandangan mereka. Apabila sesuatu kaum bertindak atau membuat keputusan atas kepentingan kaumnya semata-mata, wujud suasana polarisasi yang tidak sihat. Dalam suasana yang penuh rahsia, wujud pula kekaburan maklumat yang menyebabkan banyak khabar angin yang dapat memberikan kesan kepada faktor keharmonian kaum dan keselamatan.

Walau bagaimanapun, persepsi atau sudut pandangan mengenai kaum ini bukanlah terbatas kepada masyarakat

Melayu dan Cina semata-mata. Banyak penganalisis berpendapat bahawa perbezaan kedua-dua kaum ini dilihat sebagai isu paling dominan dalam PRU ke-13. Masyarakat India, Sikh, dan kaum lain, termasuk etnik di Sabah dan Sarawak, juga melihat PRU ke-13 dari sudut pandangan mereka yang mungkin berbeza daripada rakyat di Semenanjung Malaysia. Di kedua-dua buah negari itu, isu perkauman hampir tidak wujud kerana mereka boleh tinggal serumah walaupun berbeza etnik, bangsa dan agama.

Begitu juga golongan peniaga, yang melihat perkara ini dari aspek perniagaan. Pengguna mempunyai pandangan sendiri sehingga ada yang bertindak mahu memboikot perniagaan kaum lain. Orang politik pula melihat situasi ini dari sudut politik masing-masing. Parti Tindakan Demokratik (DAP) menganggap bahawa mereka tidak cauvinis, sedangkan pihak lain menganggap parti itulah yang meniup api perkauman di Malaysia. Hal ini dilihat daripada pelbagai sudut yang sudah semestinya tidak terarah kepada satu kaum sahaja.

1 Black 505

Selepas setahun PRU ke-13 berlaku, bahang kecelesapan sekumpulan manusia yang kecewa masih terasa. Cita-cita besar kumpulan ini untuk menawan Putrajaya bukanlah isu yang baharu. Lima tahun yang lalu, semasa negara bersiap sedia menghadapi PRU ke-12 (pada 8 Mac 2008), pemimpin pembangkang awal-awal lagi sudah mendakwa bahawa mereka pasti berjaya membentuk kerajaan.

Ada kumpulan yang menerima keputusan PRU ke-13 secara emosional dan ada golongan yang melihatnya secara praktikal. Dalam kekalutan inilah, Dato' Sri Mahd. Najib Tun Abdul Razak menegaskan bahawa beliau merupakan Perdana Menteri untuk semua kaum di negara ini. Hal ini bermakna bahawa, walaupun wujud pelbagai pendapat, pergeseran, dan tohmahan, Najib tetap yakin bahawa akhirnya semua rakyat mengharapkan kedamaian dan hidup dalam suasana harmoni. Sebagai

Perdana Menteri untuk semua, tidak ada gunanya Najib melayan semua tohmahan pembangkang kerana perkara itu hanya membuang masa. Sedangkan fokus utama negara kini menjadikan Malaysia sebagai negara maju yang hanya berbaki tujuh tahun lagi.

Pada PRU ke-12, PR berjaya memerintah tiga buah negeri, iaitu Selangor, Pulau Pinang dan Kedah, sambil sekutunya kekal memerintah di Kelantan. Ada yang berpendapat bahawa kejayaan PR di empat buah negeri itu berdasarkan ceramah dan kempen yang disusun oleh askar dan hulubalang maya mereka yang dikenali sebagai "askar kacang merah" yang digerakkan menguasai ruang siber, menyebarkan fitnah dan dakyah. Pembohongan diadun bersama-sama fakta terpilih, sehingga rakyat sukar mengenal pasti yang betul daripada yang palsu. Begitu berkesan sekali serangan mereka di ruang maya sehingga slogan "ubah"

menjadi ucapan biasa remaja yang sudah terpesona dengan janji bahawa mereka akan menang pada PRU ke-13. Ironinya, banyak pakar pembuat cerita (digelar spin doctor) muncul, meyakinkan rakyat bahawa parti mereka akan menang. Sekiranya mereka kalah, mereka mendakwa hal tersebut berpunca daripada penipuan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan kerja jahat BN.

Malangnya, keputusan PRU ke-13 sekali lagi tidak berpihak kepada mereka. Maka, muncullah teori "undi popular" serta dakwaan bahawa mereka sebenarnya mendapat undi majoriti daripada pemilih. Oleh itu merekalah yang berhak menguasai Putrajaya. Belum pernah dalam sejarah Malaysia negara mengamalkan sistem undi popular, tetapi majoriti kerusi yang dimenangi oleh parti yang bertanding.

Anehnya, mereka tidak pula menolak sistem kerusi majoriti ini bagi keputusan pilihan raya di tiga buah negeri yang



2 Pemilihan UMNO

Dari segi politik tanah air di Semenanjung Malaysia, tahun 2013 dapat disignifikasikan sebagai tahun pemilihan saf kepemimpinan baharu parti politik utama. Keputusan pemilihan pula bercampur

aduk, ada yang mengekalkan wajah lama untuk peringkat tertinggi, seperti UMNO dan MIC, manakala MCA dan GERAKAN kini diterajui oleh pemimpin pelapis.

UMNO melaksanakan pemilihan parti pada Oktober 2013 lalu selepas menangguhkannya selama 18 bulan dengan perubahan besar dalam cara pemilihan, susulan pindaan perlembagaan parti pada tahun 2009. Pindaan yang antara lain bertujuan mengekang politik wang dalam parti itu membolehkan lebih daripada 150 ribu orang anggota akar umbi memilih pucuk pimpinan parti pada semua peringkat, berbanding dengan hanya 2500 orang perwakilan parti sebelum ini. Pelaksanaan sistem ala electoral college itu membuktikan kesungguhan UMNO untuk menjadi parti yang lebih terbuka, inklusif, dan lebih demokratik.

Pemilihan itu menyaksikan anggota parti sepakat mengekalkan Najib dan timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, sebagai pemimpin tertinggi, apabila kedua-duanya menang tanpa bertanding bagi jawatan masing-masing. Status quo kekal untuk tiga jawatan naib presiden dan ketua sayap Pemuda serta Wanita, manakala Puteri UMNO diterajui muka baharu setelah

keluarnya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, melepaskan jawatan kerana melepasi had umur.

Gabungan tokoh berpengalaman, wanita, dan muka baharu sebagai ahli Majlis Tertinggi UMNO menjadi cabaran untuk memperkuatkan jentera parti bagi menghadapi situasi politik untuk tahun 2013 hingga tahun

2016, seferusnya mempersiapkan diri untuk PRU ke-14 yang hanya berbaki kira-kira tiga tahun lagi. Keadaan ini membuktikan bahawa akar umbi UMNO mementingkan tokoh yang boleh bekerjasama dengan pucuk pimpinan parti dan kerajaan bagi menentukan hala tuju negara pada masa akan datang. Kepelbagaian pengalaman yang dimiliki ahli Majlis Tertinggi membuktikan UMNO kekal relevan dalam memperjuangkan kepentingan bangsa dan agama. Paling penting, pengalaman mereka boleh digunakan untuk mendekati rakyat, terutama penduduk di luar bandar yang masih memerlukan tumpuan pembangunan.

Sejak penubuhan UMNO pada 11 Mei 1946, parti itu tidak pernah ketandusan kepemimpinan pelapis. Mereka penjana masa hadapan parti kerana UMNO mempunyai kewibawaan, setia berkhidmat dan mengorbankan kepentingan peribadi demi perjuangan untuk agama dan bangsa. Barisan exco ketiga-tiga sayap yang dibarisi individu daripada pelbagai latar belakang turut membantu usaha memperkasakan perjuangan UMNO dan BN secara keseluruhannya.



mereka kekal memerintah, iaitu Selangor, Pulau Pinang, dan Kelantan, tetapi mereka tetap menolak keputusan BN menang 133 kerusi parlimen. Mereka turut menganjurkan perhimpunan aman Black 505 di Padang Merbak, Kuala Lumpur, pada 15 Jun 2013 bagi membuktikan bahawa Pakatan Rakyat menolak penipuan serta menuntut reformasi pilihan raya. Mereka juga mengatur protes "berjalan senyap", iaitu remaja berbaju hitam, disusuli perhimpunan besar-besaran di merata tempat dengan jenama Black 505, iaitu cerita karut-marut yang lama itu dikitar semula dan diendangkan untuk menimbulkan kebencian dalam kalangan rakyat.

Persoalannya, tidak pernahkah mereka terfikir tentang bagaimana halnya jika protes jalan raya yang diadakan itu mencetuskan huru-hara? Mereka juga menuntut kerajaan BN

aggingkan dengan menggunakan kuasa rakyat. Hal ini membuktikan bahawa mereka sudah menjadi anarkis. Perbuatan menggulingkan kerajaan yang sah menerusi protes jalanan atau kuasa rakyat bukan menerusi proses pilihan raya termasuk dalam erti kata kesalahan keselamatan yang termaktub dalam Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA). Pada hakikatnya, jika seseorang individu itu disyaki terlibat melakukan atau cuba melakukan kesalahan keselamatan yang dimaksudkan dalam SOSMA (dibaca bersama-sama Kanun Keseksaan) ini, individu terbabit boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai polis.

Sepatutnya, isu pilihan raya sudah boleh diselesaikan secara berhemah selepas proses pasca-PRU ke-13, seperti pembentukan kerajaan dan kerajaan negeri, majlis mengangkat sumpah anggota parlimen, dan Ahli

Dewan Undangan Negeri (ADUN), selesai. Malangnya, meskipun semua proses berkenaan berjalan lancar, pembangkang masih tidak puas hati dengan keputusan PRU ke-13 dan cuba mencari pelbagai kesilapan. Bantahan pula dilakukan menerusi perhimpunan haram di merata tempat yang dirancang.



DEMO CRACY
MAY 2013

BLACK 05052013
KEMBALIHAN HAK RAKYAT

3 Isu Kalimah Allah

Selepas PRU ke-13, isu kalimah Allah semakin kuat diperkatakan. Tindakan sesetengah pihak yang sengaja meniup api kemarahan rakyat pelbagai agama di negara ini turut mengakibatkan tohmahan dan kata kesat dilontarkan di laman sosial sebagai tanda protes berhubung dengan kekeliruan yang berlaku.

Kekeliruan ini semakin berlanjutan apabila pada 8 Januari 2014, Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor mengeluarkan dua arahan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) berhubung dengan tindakan jabatan itu yang menyerbu pejabat Persatuan Bible Malaysia, di Jalan Gasing, Petaling Jaya, yang menimbulkan persoalan yang lebih meluas.

Arahan pertama, keputusan mesyuarat exco kerajaan negeri mengarahkan JAIS dengan segeranya memulangkan 351 naskah Bible versi bahasa Melayu dan bahasa Iban yang mengandungi kalimah Allah yang dirampas, jika kitab penganut Kristian itu mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Arahan kedua, meminta JAIS mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) yang baharu, iaitu JAIS wajib mengadakan perbincangan terlebih dahulu dengan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan exco kerajaan negeri sebelum sebarang tindakan yang menyentuh sensitiviti agama lain dilakukan. Alasan yang diberikan oleh Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim, semua pihak harus mematuhi resolusi



PERDEBATAN HUKUM ISU KALIMAH ALLAH DARI PERSPEKTIF PERUNDANGAN



10 perkara tentang penganut Kristian yang diputuskan oleh kerajaan Pusat sebelum ini. Antara perkara yang terkandung dalam resolusi itu termasuklah membenarkan langkah mengimport, menggunakan, dan mencetak Bible berbahasa Melayu.

Setiap enakmen kerajaan negeri mengenai agama terletak di bawah kuasa sultan atau raja bagi sesebuah negeri. Maka, jika digubal oleh undang-undang di parlimen sekalipun, undang-undang itu tidak mengatasi enakmen negeri. Oleh itu, wajib bagi umat Islam menjaganya dengan cara yang terbaik dan sebarang unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Ketua Penerbitan dan Penyelidikan, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Dr. Mohamed Ajmal Abdul Razak Al-Aidrus, memilih langkah mengemukakan hujah penuh isu tersebut dari pelbagai sudut melalui buku yang diterbitkannya pada Mei 2013. Menurut beliau, antara hujah utama termasuklah yang menyatakan bahawa penggunaan kalimah Allah bermula sejak 400 tahun lalu dalam kitab Injil dan gereja di negara ini tidak boleh diterima pakai kerana ketika itu merupakan era penjajah yang zalim.



4 Isu Kenaikan Harga Barang

Isu kenaikan harga barang sering diperkatakan oleh banyak pihak. Ternyata bahawa isu ini mendapat perhatian dari segenap lapisan masyarakat. Pandangan umum pula sering mengaitkan faktor kos sebagai punca masalah kenaikan harga barangan tanpa mengkaji permintaan juga sepatutnya diberi perhatian apabila membahaskan inflasi. Dalam hal ini, banyak pihak menuding kesalahan kepada kerajaan yang seolah-olah sengaja membebankan rakyat.

Isu inflasi ini perlu dilihat dari perspektif yang lebih luas, iaitu kenaikan harga tidak semestinya tertumpu pada kos barangan sahaja, malah ketidakseimbangan dalam penawaran dan permintaan sektor tertentu, seperti makanan juga memainkan peranan yang penting menaikkan tingkat harga umum. Oleh itu, dengan memahami punca sebenar masalah inflasi tersebut, maka kerajaan bertindak serta merangka dasar yang sesuai bagi menangani isu itu.

Lantaran itu, Perdana Menteri mengarahkan semua menteri turun padang untuk bersama-sama rakyat bagi memastikan permasalahan rakyat berhubung dengan kenaikan harga barangan dapat dikenal pasti dan dikaji dengan segera. Perdana Menteri turut mengumumkan usaha memperkukuh kedudukan fiskal kewangan negara dengan memotong subsidi, menaikan tarif serta memperkenalkan sistem cukai barangan dan perkhidmatan (GST). Semua usaha ini dilakukan bagi memastikan kedudukan fiskal kewangan negara bertambah mantap dan membolehkan kerajaan membawa banyak pembangunan dan kebajikan untuk kesejahteraan rakyat.

5 GST



Pihak yang mempersoalkan keputusan kerajaan untuk melaksanakan GST perlu menerima hakikat bahawa GST merupakan keperluan ekonomi yang tidak dapat dielakkan. Kebanyakan ahli ekonomi bersependapat bahawa GST merupakan kaedah penyelesaian sumber yang paling berkesan dan berdaya tahan terhadap situasi turun naik ekonomi global.

Ekonomi pula digerakkan sendiri oleh masyarakat pengguna melalui permintaan dan masyarakat peniaga melalui penawaran. Dengan adanya GST, serta kaedah komunikasi antara pengguna, peniaga dan kerajaan akan terdorong untuk menjadi lebih berkesan, telus, cekap, dan mesra. Kebanyakan kritikan pembangkang terhadap Belanjawan 2014 lebih bersifat politik semata-mata. Antara yang menjadi sasaran ialah pelaksanaan GST yang bermula pada 1 April 2015.

Dalam hal ini, pembangkang mahu mengelirukan rakyat kononnya GST menzalimi dan membebankan. Sepatutnya mereka melihat pelaksanaan GST secara holistik dan realistik. Pembangkang juga

sepatutnya sedar bahawa kerajaan turut memberikan tempoh kira-kira 17 bulan kepada peniaga dan syarikat untuk membuat persediaan dan memberikan ruang untuk rakyat memahami kebaikan GST. Kerajaan masih bersedia menerima pandangan mengenai pelaksanaannya. Namun begitu, untuk menyatakan pelaksanaan GST akan menindas rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana, merupakan tuduhan yang sangat tidak bertanggungjawab. Tindakan pembangkang melakukan himpunan membantah GST pada 1 Mei lalu juga dilihat mencemar imej baik negara di mata dunia.

Pada hakikatnya, apabila GST dilaksanakan, beban cukai yang ditanggung oleh pengguna akan turun. Hal ini bermakna bahawa dengan pelaksanaan GST, kebanyakan barangan dan perkhidmatan akan mengalami penurunan harga. Yang penting ialah apabila GST dilaksanakan, peniaga seharusnya menyalurkan penjimatan tersebut melalui penurunan harga. Lebih menariknya, kajian yang dijalankan mendapati bahawa Indeks Harga Pengguna akan mengalami penurunan sebanyak lapan hingga 10 peratus. Kita yakin bahawa penubuhan jawatankuasa pemantau akan dapat memastikan GST dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Kerajaan juga, dari semasa ke semasa, akan menilai impak sosial terhadap rakyat. Yang pasti, impaknya juga dapat menurunkan harga barangan.

6 BR1M

Menyerusi Belanjawan 2014, kadar pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) 3.0 telah dipertingkat dan diperluas. Bagi isi rumah yang berpendapatan bulanan RM3000 dan ke bawah, kadar pemberian ditingkatkan kepada RM650. Isi rumah yang berpendapatan bulanan RM3000 hingga RM4000 turut menerima BR1M pada kadar RM450. Bagi individu bujang yang bekerja dan berpendapatan bulanan RM2000 dan ke bawah, mereka layak menerima bantuan RM300. Perdana Menteri turut bertekad bahawa kerajaan akan terus meringankan beban rakyat mengikut kategori yang difikirkan layak untuk dibantu sebagai sokongan kepada kos sara hidup yang meningkat pada masa ini.

Ternyata bahawa peningkatan jumlah penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) 3.0 yang mula diagihkan di seluruh negara pada Februari lalu membuktikan keseriusan kerajaan membantu golongan yang layak dan bukan hanya gimik semata-mata. Meskipun pada tahun pertama pelancarannya banyak pihak yang berasa waswas dengan bantuan tersebut yang dianggap mempunyai agenda terselindung, termasuk mencemuh pemberian itu sebagai wang haram, dan fitnah juga dilemparkan kononnya BR1M untuk memerangkap mereka yang tidak membayar cukai pendapatan, hari ini semakin banyak orang yang menyedari dan mengakui bahawa BR1M banyak membantu meringankan beban rakyat.

7 Isu Perpaduan

Keputusan PRU ke-13 lalu ternyata memberikan pengajaran yang amat berguna kepada seluruh rakyat Malaysia. Keputusan ini mendedahkan bahawa masih wujud isu perkauman dalam jiwa sebilangan rakyat dan menjadi duri dalam daging masyarakat majmuk di Malaysia. Walaupun sudah lebih lima dekad kita merdeka dan amalan perkongsi kuasa antara kaum berjaya memakmurkan Malaysia, sentimen perkauman ternyata sesuatu yang bukan mudah untuk dikikis, apatah lagi pihak pembangkang sering memomokkan rakyat kononnya UMNO sebagai parti dominan BN menjadi punca permasalahan itu.

Malangnya, enigma yang dicipta oleh pembangkang itu semakin meresap ke dalam pemikiran rakyat sehingga akhirnya sekelompok mereka sudah tidak lagi mampu membezakan antara kebenaran dengan pembohongan. Soal keadilan dan hak kesamarataan dimanipulasikan dalam penerangan yang amat berat sebelah. Mereka menyebarkan stigma kononnya BN, yang diterajui UMNO, selama ini bersikap tidak adil kepada bukan Melayu. Kontrak sosial yang disetujui sekian lama mula dipertikaikan tanpa berselindung lagi.

Nampaknya, kita masih belum belajar daripada sejarah. Peristiwa hitam 13 Mei 1969 sepatutnya mengajar kita untuk menjadi lebih rasional dan bijak kerana faktor utama berlakunya insiden berdarah ini ialah kempen pilihan raya umum pada tahun 1969 yang menggunakan perkauman sebagai senjata oleh kedua-dua pihak. Skenario sama sahaja; parti pemerintah ketika itu hilang majoriti dua pertiga dan undi popular merosot. Pembangkang meraikan kemenangan besar mereka sehingga membuat perarakan di jalanan.

Perarakan tersebut berubah menjadi tidak terkawal apabila ada dalam kalangan mereka mengeluarkan kata-kata kesat sehingga menimbulkan kemarahan pihak yang lain. Yang lebih malang dan perlu dipelajari oleh semua ialah kesan daripada pilihan raya 1969 dan prestasi buruk sebahagian daripada pemimpin yang mula menuding jari ke arah sesuatu kaum; hal tersebut hanya mencetuskan pergaduhan yang akhirnya merugikan negara.



8 MCA Kembali dalam Kabinet

Pada PRU ke-13, MCA mencatat keputusan terburuk dengan memenangi tujuh kerusi parlimen, manakala SUPP dan Gerakan masing-masing memperoleh satu kerusi. Oleh itu, banyak pihak menuntut agar wujud pembaharuan dalam kalangan sayap parti bagi membolehkan BN kekal relevan pada PRU akan datang. Demi menyahut saranan tersebut, pemilihan MCA yang berlangsung dari 19 hingga 21 Disember 2013 menyaksikan perubahan yang ketara dalam barisan kepemimpinan pusat, termasuk peringkat sayap parti. Keputusan pemilihan pemimpin pusat menyaksikan Datuk Seri Liow Tiong Lai menjadi presiden baharu, mengalahkan bekas Presiden Datuk Seri Ong Tee Keat dan Naib Presiden, Gan Ping Siew. Selain itu, sebanyak 2352 orang perwakilan parti turut mengangkat bekas Ketua Pemuda, Datuk Dr. Wee Ka Siong, sebagai Timbalan Presiden, mengalahkan Datuk Donald Lim Siang Chai.

Saf baharu ini diharap dapat menyelesaikan pelbagai masalah dalam parti itu, termasuk krisis terbuka antara Liow dengan bekas presiden, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek, yang memilih untuk tidak mempertahankan jawatannya. Pemilihan MCA juga menyaksikan perubahan besar apabila saf MCA yang baharu meluluskan resolusi membenarkan anggotanya menerima pelantikan peringkat kerajaan negeri pada mesyuarat agung luar biasa parti itu yang diadakan pada 20 Oktober lalu. Hal tersebut membuka peluang kepada ADUN parti itu untuk dilantik sebagai exco kerajaan negeri, bagi memastikan kebajikan masyarakat Cina di negeri ini terjaga.

9 Dasar Pendidikan

Selepas PRU ke-13, mula kedengaran suara pihak tertentu mendesak kerajaan memperkasakan sekolah satu sistem demi perpaduan nasional. Pada hakikatnya, masyarakat perlu menyedari bahawa sistem persekolahan di Malaysia merupakan kesinambungan beberapa sistem persekolahan lama dengan mengekalkan sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina, dan sekolah jenis kebangsaan Tamil.

Pengiktirafan terhadap sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan ini termaktub dalam Perenggan 54, Penyata Razak 1956 yang menyafatkan kepelbagaian sekolah pada peringkat sekolah rendah ini dalam pelbagai bahasa. Isu berhubung dengan sistem persekolahan merupakan isu sensitif bagi masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa kerana bukan mudah untuk mendapatkan persetujuan daripada masyarakat yang mempunyai pandangan dan kepentingan berbeza hasil daripada sejarah sistem pendidikan yang lama wujud di Malaysia. Usaha kerajaan mewujudkan sekolah wawasan ini merupakan jalan terbaik bagi sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan berintegrasi menggunakan kemudahan yang sama bagi memudahkan pergaulan pelajar walaupun daripada pelbagai bangsa dan agama.





10 Pemilihan Parti Pembangkang

Berbeza daripada pemilihan parti komponen BN yang secara amnya tidak banyak mencetuskan kontroversi, pemilihan parti dalam PR ibarat menjilat ludah sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana jika sebelum ini mereka sering menuduh pilihan raya di negara ini tidak demokratik, pemilihan parti masing-masing menyaksikan mereka pula dipertikaikan anggota sendiri.

Pemilihan PAS, misalnya, tidak mempunyai banyak masalah bagi dua jawatan tertinggi yang menyaksikan Datuk Seri Abdul Hadi Awang tidak dicabar sebagai Presiden, sementara Mohamad Sabu mempertahankan jawatan Timbalan Presiden dengan mengalahkan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah. Bagi pemilihan anggota jawatankuasa pusat, lain pula kisahnya apabila PAS malu besar kerana terpaksa membuat pengundian semula, malah mengambil masa dua hari untuk mengira undi bagi jawatan Naib Presiden, sekalipun jumlah perwakilan yang mengundi tidak sampai 1500 orang.

Sementara itu, pada 29 September 2013, DAP terpaksa mengadakan pemilihan semula bagi 20 jawatan anggota Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) dalam satu kongres khas selepas keputusan pemilihan terdahulu tidak diiktiraf oleh Pendaftaran Pertubuhan (ROS), setelah ketelusan proses pemilihan dan keputusan CEC pada hujung tahun 2012 dipertikaikan anggota parti. Kontroversi DAP belum berakhir kerana hingga kini, ROS masih belum mengiktiraf kepemimpinan baharu parti itu serta melarang CEC membuat sebarang keputusan. Ini tidak termasuk krisis kepemimpinan DAP Kedah yang masih belum terungka.

Setahun sudah berlalu. Walaupun begitu, banyak peristiwa yang berlaku, yang pasti kini rakyat mula sedar akan pemimpin yang bermain retorik dan mereka yang menabur bakti. Rekod kepemimpinan ini pastinya akan menghukum mereka pada PRU ke-14 nanti. Sekarang bukannya masa untuk berdondang sayang dan memberikan fantasi untuk rakyat terus berhayal. Kini, masanya untuk terus berbakti, pastinya hasilnya boleh dituai kelak.

Penulis Timbalan Pengarah Institut Pemikiran
Tun Dr. Mahathir, Universiti Utara Malaysia.

